



STILAH ateis (*atheis* dalam bahasa Inggeris) berasal daripada perkataan Yunani iaitu *atheos* yang bermaksud tiada Tuhan.

Menurut *The Encyclopedia of Religion*, ateisme adalah sebuah doktrin bahawa Tuhan tidak wujud dan kepercayaan terhadap kewujudan Tuhan merupakan kepercayaan yang palsu.

Menurut *The New Encyclopaedia Britannica* pula, ateisme merupakan sebuah kritikan dan penafian terhadap kepercayaan metafizik tentang Tuhan atau makhluk kerohanian.

Manakala ateis atau ateisme dalam bahasa Arab dikenali sebagai *mulhid* atau *ilhad* bermaksud menyimpang daripada pandangan yang benar.

Selain istilah *ilhad*, beberapa perkataan lain turut digunakan dengan maksud ateis atau ateisme seperti *dahriyyah*, *zanadiqah*, *tabi'iyah*, *la diniyyah* dan lain-lain.

Menurut sarjana Islam, ateisme bukan sahaja menolak kewujudan Tuhan serta agama, malah ateis juga bermaksud mereka yang mengingkari serta mendustakan kewujudan Allah SWT atau disebut sebagai *kufur*, *murtad* atau tidak beragama. Ini kerana kewujudan dan keesaan Allah SWT merupakan suatu kepastian.

Secara umumnya, ateis boleh difahami sebagai orang yang tidak mengakui atau mempercayai kewujudan Tuhan, manakala ateisme (*atheism*) bermaksud fahaman atau kepercayaan yang tidak mengakui kewujudan Tuhan iaitu lawan kepada *theism* yang bermaksud fahaman mengakui kewujudan Tuhan.

#### Sejarah

Sorotan sejarah menunjukkan bahawa ateisme telah menjadi pegangan sebilangan manusia sejak sekian lama. Pada zaman tamadun Greek, beberapa tokoh seperti Diagoras of Melos dan Epicurus telah mengemukakan idea ateisme mengenai tiada kepercayaan terhadap kewujudan Tuhan atau dewa, mengingkari metafizik, kebangkitan dan risalah.

Mereka hanya berpegang dengan logik akal semata-mata. Idea ateisme ini kemudian diteruskan oleh tokoh-tokoh Barat khususnya pada zaman Renaissance seperti Baron D'Holbach, Percy Bysshe Shelley, Denis Diderot dan lain-lain.

Dalam buku *Good Sense* contohnya, D'Holbach mendakwa, semua kanak-kanak yang dilahirkan adalah ateis kerana mereka tidak tahu akan Tuhan. Dalam buku *The System of Nature* pula, D'Holbach menuduh agama adalah suatu bentuk penindasan serta kezaliman yang melemahkan munculnya kebenaran.

Begitu juga Karl Marx yang

# Keceluaran ateisme terhadap Tuhan dan agama



SEBAHAGIAN anak muda di negara ini masih keliru dan dilihat sekadar mengikut arus atau trend orang Barat yang selesa dengan status tidak beragama.



*Melalui kajian dan penelitian tersebut, satu kaedah yang sistematik dan menyeluruh perlu difikirkan bersama bagi membendung gejala ateisme dan ideologi moden yang lain daripada terus menular mempengaruhi umat Islam di Malaysia.”*

merupakan tokoh sosialis dan kapitalis berpendapat, Kristian dan semua agama di dunia hendaklah dimusnahkan terlebih dahulu sebagai proses membina alam agar manusia menjadi Tuhan.

Menurutnya lagi, bukan Tuhan yang mencipta manusia tetapi manusialah yang mencipta Tuhan. Kemuncaknya, Friedrich Wilhelm Nietzsche mengisyitiharkan bahawa Tuhan telah mati dan manusia perlu menggantikannya kedudukan Tuhan tersebut.

Gagasan tu telah menjadi asas terpenting kepada ateisme dan lain-lain ideologi pascamodenisme untuk tidak mempercayai kewujudan Tuhan.

Malah menurut Karen Armstrong, pemikiran ateis pada akhir abad ini menyatakan bahawa sekiranya dikatakan Tuhan belum lagi mati, maka, adalah menjadi tugas manusia yang rasional untuk membunuh Tuhan.

Pemikiran sebeginilah yang menjadi dasar kepada golongan ateis pada zaman moden untuk ‘beriman’ dengan

sains sahaja sebagaimana slogan New Atheism: “Tiada surga, tiada neraka, hanya sains.” Disebabkan itu, Teori Evolusi yang dikemukakan oleh Charles Darwin atau Teori Big Bang dan begitu juga beberapa teori yang dikemukakan oleh Stephen Hawking turut dikaitkan dengan ateisme.

#### Ateis di Malaysia

Dalam konteks Malaysia, isu ateisme mula menjadi perhatian umum apabila media arus perdana melaporkan pertemuan kumpulan ateis, *The Atheist Republic Consulate of Kuala Lumpur* pada 3 Ogos 2017. Sebahagian besar mereka ialah dari kalangan anak muda Muslim yang lebih dikenali sebagai ‘ex-Muslim’.

Beberapa laman Facebook juga didakwa menyebarkan fahaman ateisme di Malaysia. Antaranya *Warung Atheist* yang mempunyai keahlian seramai lebih 5,000 orang, kumpulan *Malaysian Atheist Confessions* (lebih 2,000 ahli), kumpulan *Malaysian Atheists, Freethinkers, Agnostics and Their Friends* (lebih 1,900 ahli) dan kumpulan *Atheist Republic of Malaysia* (lebih 1,800 ahli). Itu belum lagi di Twitter yang dikatakan penggunanya lebih terbuka.

Selain itu, beberapa blog turut dikesan menyebarkan fahaman ateis. Antaranya blog *Melayu Atheist* yang ditulis sejak tahun 2013 lagi yang berkongsi tentang ‘perjalanan anak Melayu menuju kebenaran’, blog *Malaysian Humanist*, blog *Aku Seorang Bekas Islam* dan sebagainya lagi.

#### Perangi

Rumusan awal daripada beberapa pengkaji menunjukkan bahawa golongan ateis di Malaysia tidaklah

begitu memahami falsafah ateisme sebagaimana yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh ateis. Sebahagian mereka sekadar mengikut arus atau trend anak muda di Barat yang kelihatan sempoi atau cool dengan status tidak beragama atau ateis.


Apatah lagi sifat anak muda sememangnya suka kepada kebebasan tanpa sebarang kongkongan termasuklah bebas dalam soal agama dan kepercayaan. Maka, jalan pintas ialah dengan memeluk fahaman ateis tanpa mereka menyedari kepincangan pemikiran itu.

Oleh itu, memandangkan jumlah golongan ateis di Malaysia diuar-uarkan semakin bertambah, di samping turut disokong oleh beberapa pihak yang memperjuangkan hak asasi manusia Barat, mereka dilihat berani mengugut pihak kerajaan dan pihak berkuasa agama agar tidak mengambil tindakan terhadap mereka.

Semua ini membuktikan bahawa gejala ateisme khususnya dalam kalangan remaja Melayu-Islam kini berada pada tahap membimbangkan. Perkembangan pesat ateisme ini sudah tentu dipengaruhi oleh beberapa faktor dalam dan luaran yang memerlukan kajian dan penelitian lebih mendalam.

Melalui kajian dan penelitian tersebut, satu kaedah yang sistematik dan menyeluruh perlu difikirkan bersama bagi membendung gejala ateisme dan ideologi moden yang lain daripada terus menular mempengaruhi umat Islam.

Jika tiada sebarang usaha yang berterusan dan bersungguh-sungguh, diyakini jumlah ateis di Malaysia akan terus meningkat lebih ramai lagi pada masa hadapan. Perkara sebegini tidak seharusnya dibiarkan berlaku di bumi Malaysia yang mengiktiraf Islam sebagai agama Persekutuan.



BUKU atau risalah bertajuk *Ateisme Satu Penelitian Awal* merupakan antara rujukan penting kepada umat Islam di Malaysia dalam memahami persoalan ateisme. Buku ini ditulis oleh Muhammad Rashidi Wahab dan diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



MAISgovmy